

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Sinar Harian, Selangor
13 Jun 2013, by No author available

Business & Finance, page 17 - 100.00 cm²
Malaysia - Malay Newspapers - circulation 160,000 (MTWTF)

ID 198857988

PAGE 1 of 1

MSM tambah keluaran gula 36 peratus

MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) menyasarkan menambah pengeluaran gula sebanyak 36 peratus kepada 1.5 juta tan menjelang 2016 berbanding 1.1 juta tan pada masa ini.

Ketua Pegawai Eksekutif MSM Chua Say Sin berkata, penambahan itu sebahagian besarnya akan digunakan untuk memenuhi permintaan semakin meningkat serta meneroka pasaran baru antarabangsa, terutama di Asia Pasifik.

"MSM memperuntukkan RM220 juta merusi keuntungan tawaran awam permulaan (IPO) untuk peluasan dalaman. Tahun ini kami menyediakan RM85 juta untuk peluasan kap-

siti dan gudang, dengan RM37 juta daripadanya sudah digunakan.

"Selain itu, kami juga membangunkan infrastruktur, gudang dan kapasiti pengendalian selari dengan pelan untuk peluasan kapasiti," katanya

selepas mesyuarat agung tahunan syarikat itu di Kuala Lumpur, semalam.

Say Sin berkata, jumlah yang dibelanjakan untuk peluasan kapasiti adalah selari dengan peningkatan pengeluaran daripada 3,600 tan kepada 4,600 tan gula mentah cair sehari.

"Kami juga merancang menambah kapasiti penyimpanan gula mentah kepada 37,000 tan berbanding 27,000 tan sedia ada," katanya.

Menurutnya, MSM menyasarkan untuk menambah eksport sebanyak 20 peratus keluaran menjelang akhir tahun daripada 15 peratus yang direkodkan pada 2012, dengan tumpuan utama dalam pasaran Asia.

"Kami baru sahaja meneroka pasaran Myanmar dan kami sedang mengkaji Vietnam berdasarkan jumlah penduduknya yang ramai," katanya. - Bernama